

'Saya tak kata Tun mahu rampas kuasa'

KUALA TERENGGANU 14 Ogos - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menegaskan beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad berhasrat merampas kuasa daripada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya tidak pernah kata Tun hendak rampas kuasa, tetapi saya ada maklumat bahawa Tun hendak lihat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi jatuh," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja di Amanah Raya Berhad di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin berhubung kelantangan Mohamed Nazri yang mengatakan tindakan Dr. Mahathir secara berterusan mengkritik pemimpin dan kerajaan bertujuan mahu menggulingkan Perdana Menteri.

Dalam laporan akhbar hari ini, Abdul Aziz yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dilaporkan sebagai berkata, bekas Perdana Menteri itu walaupun kini lantang mengkritik kerajaan tidak akan merampas kuasa daripada penggantinya.

Abdul Aziz yang juga bekas Setiausaha Politik Dr. Mahathir menegaskan faktor umur menyebabkan bekas 'bosnya' itu tidak akan terfikir untuk berbuat demikian kerana sebelum ini bekas Perdana Menteri itu sendiri menyerahkan jawatannya kepada Abdullah.

Merujuk kepada perkembangan itu, Mohamed Nazri tidak menolak UMNO akan berhadapan dengan perpecahan sekiranya ada kalangan anggota Kabinet dan pemimpin UMNO yang tidak memahami tindakan lantangnya menentang Dr. Mahathir.

Tegas beliau, apa yang dilakukannya semata-mata untuk melindungi UMNO daripada berpecah belah dan tidak akan berkompromi dengan usaha dan tindakan yang sedang dilakukan oleh Dr. Mahathir itu.